

**Interaksi Antara Muka Surat Verso dan Muka Surat *Recto* Dalam Buku
Cerita Bergambar Kanak-Kanak**
*Interaction Between Verso Pages and Recto Pages in Children's
Picture Storybooks*

¹*Kaithiri Arumugam*
kaithiribala@yahoo.com

²*Rohaya Md Ali*
aya@uum.edu.my

³*Phat Awang Deng*
phat@uum.edu.my

^{1,2,3} Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia

¹*Corresponding Author*

Received: 17 January 2023; Published: 13 May 2023

Cite this article(APA) as:

Arumugam, K., Md Ali, R., & Awang Deng, P. (2023). Interaksi Antara Muka Surat Verso dan Muka Surat Recto Dalam Buku Cerita Bergambar Kanak-Kanak. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 1 - 11. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/169>

ABSTRAK

Buku cerita bergambar kanak-kanak merupakan karya sastera berbentuk kreatif yang menyampaikan jalan cerita melalui teks dan gambar. Buku cerita bergambar kanak-kanak yang bermutu memaparkan peristiwa yang hadir secara serentak pada dua halaman yang saling menghadap iaitu antara muka surat *verso* dan muka surat *recto*. Namun, kebanyakan buku cerita bergambar kanak-kanak didapati mengabaikan kepentingan komposisi antara muka surat *verso* dan muka surat *recto* (Nikolajeva, 2006). Interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* yang terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak penting untuk menyatakan pelbagai makna dan tanggapan melalui pergerakan gambar. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* yang terdapat dalam tiga buah buku cerita bergambar kanak-kanak daripada tiga genre dan menganalisis interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* berdasarkan pendekatan Nikolajeva (2006). Kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini dengan meneliti empat buah buku cerita bergambar kanak-kanak yang terdiri daripada genre cerita rakyat, genre cerita haiwan, genre cerita fantasi dan genre cerita realistik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* yang terdapat dalam ketiga-tiga buah cerita bergambar kanak-kanak sememangnya menepati makna dan tanggapan yang dikemukakan oleh Nikolajeva (2006). Rumusannya, makna dan tanggapan yang terdapat pada muka surat *verso* dan muka surat *recto* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak penting untuk menjadikan sesebuah buku cerita itu berkualiti.

Kata kunci: Buku cerita bergambar kanak-kanak, muka surat *verso*, muka surat *recto*, *gutter*, teks, gambar

ABSTRACT

Children's picture story books are creative works of literature that convey the story through text and pictures. A high-quality children's illustrated storybook displays events that occur simultaneously on two pages that face each other, which is between the verso page and the recto page. However, most children's illustrated story books are found to ignore the importance of composition between the verso page and the recto page (Nikolajeva, 2006). The interaction between verso pages and recto pages found in children's picture story books is important to express various meanings and impressions through the movement of pictures. In relation to that, this study was conducted to identify the interaction between the verso page and the recto page found in three picture story books for children from three genres and to analyze the interaction between the verso page and the recto page based on Nikolajeva's approach (2006). The method of content analysis is used in this study by examining three illustrated children's story books that consist of the genre of folk tales, the genre of animal stories, genre of fantasy and the genre of realistic stories. The findings of the study show that the interaction between the verso page and the recto page found in the three children's picture stories is indeed consistent with the meaning and notion presented by Nikolajeva (2006). In summary, the meaning and notions found on the verso pages and recto pages in children's picture story books are important to make a story book of quality.

Keywords: children's picture story book, verso page, recto page, gutter, text, picture

PENGENALAN

Buku cerita bergambar kanak-kanak merupakan bentuk seni yang saling bergantung antara teks dengan gambar. Makna cerita dalam buku cerita bergambar kanak-kanak dicipta melalui interaksi antara verbal dengan visual. Buku cerita bergambar kanak-kanak merupakan karya sastera sama ada berbentuk kreatif ataupun informatif, iaitu gambar atau lukisan bertanggungjawab atau memainkan peranan yang besar terhadap cerita yang disampaikan menerusi teksnya (Izzah Abdul Aziz, 2001). Dalam sebuah buku cerita bergambar kanak-kanak, gambar mendominasi teks atau sama penting dengan teks kerana gambar turut menyampaikan maklumat sama yang terdapat dalam teks. Gambar menjadi pelengkap kepada teks dan mengikut jalan cerita yang sama dan memberikan lebih banyak maklumat tentang watak, latar dan konflik (Booker, 2012). Mahzan Arshad (2012) mendefinisikan buku cerita bergambar kanak-kanak sebagai sebuah buku untuk kanak-kanak yang menyampaikan jalan cerita dengan mengutamakan paparan gambar pada setiap halaman muka surat yang hanya menggunakan perkataan atau ayat yang minimum. Bader (1976) berpandangan bahawa,

A picturebook is text, illustrations, total design; an item of manufacture and a commercial product; a social, cultural, historical document; and foremost an experience for a child. As an art form it hinges on the interdependence of pictures and words, on the simultaneous display of two facing pages, and on the drama of the turning of the page. (Bader, B. (1976:1)

Dalam sebuah buku cerita bergambar kanak-kanak, pengarang dan ilustrator menggunakan pelbagai cara untuk menjadikan buku cerita tersebut lebih unik bertujuan untuk menggembarakan pembaca kanak-kanak, menarik perhatian khalayak pembaca dan menguatkan penyampaian jalan cerita (Kaithiri, Rohaya & Phat, 2021).

Pembaca yang membaca sebuah buku cerita bergambar kanak-kanak yang bagus, terikat kepada gambar yang terdapat di dalamnya dan cuba mencipta drama dengan cara membelek muka surat. Pada masa yang sama teks dan gambar bekerjasama untuk melonjakkan cerita ke hadapan (Matulka, 2008). Dalam sebuah buku cerita bergambar kanak-kanak yang bermutu terdapat paparan yang serentak pada dua muka surat yang menghadap dan terdapat peristiwa pada pembukaan muka surat (Bader, 1976). Hal yang sama turut diutarakan oleh Lambert (2018) yang berpandangan bahawa paparan peristiwa secara serentak pada dua muka surat yang menghadap antara satu sama lain mesti

saling menampung. Dua muka surat yang hadir secara serentak dalam buku cerita berkenaan terdiri daripada *verso* iaitu muka surat pada bahagian kiri dan *recto* iaitu muka surat pada bahagian kanan (Doonan, 1993). Susunan pergerakan gambar antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* dipisahkan oleh *gutter* yang memegang pelbagai kemungkinan susun atur muka surat (Lambert, 2018). *Gutter* ialah muka surat yang terikat bersama-sama untuk membentuk tulang belakang buku (Matulka, 2008). Lewis (2001) mendefinisikan *gutter* sebagai,

The groove created in an open book where left- and right-hand pages meet at the spine. In a conventional verbal text the gutter merely separates blocks of text which we read sequentially, first the left and then the right. In a picture book however, pictures can be made to extend across the gutter, sometimes requiring the reader to look across both pages of a page-opening before moving down to the next part of the text rather than reading the left page first and then the right (Matulka, D.I.,2008:169).

Pengarang dan ilustrator perlu mengambil kira *gutter* pada setiap masa kerana kebanyakan buku cerita bergambar kanak-kanak terdiri daripada penyebaran gambar penuh pada muka surat *verso* dan muka surat *recto*. Oleh itu, bahagian penting dalam gambar tidak sepatutnya diletakkan berhampiran dengan *gutter* untuk mengelakkan gangguan pada gambar (Hana Hladikova, 2014). Selain itu, Hana Hladikova (2014) menegaskan bahawa,

A distance from the gutter and the bleed line must be always kept when dealing with the text to ensure the reader can go through the book without any disturbance, and while it is rarely the illustrator's duty to deal with the text itself, it is usually his/her responsibility to leave enough space for the text in the layout of the artwork (Hladikova, H. (2014:26).

Dalam buku cerita bergambar kanak-kanak, *gutter* memainkan peranan penting untuk memaklumkan susun atur muka surat dan membantu pembaca maju ke arah atau menentang tarikan (Lambert, 2018). Oleh itu, pengarang dan ilustrator perlu memastikan supaya teks tidak bertindih pada bahagian penting dalam gambar dan gambar tidak mengganggu kebolehbacaan teks. Dalam buku cerita bergambar kanak-kanak, sama ada teks atau gambar muncul pada muka surat *verso* atau muka surat *recto*, kedua-dua mod komunikasi ini dipisahkan secara kemas dalam persembahan visual dan dalam ruangan buku dengan *gutter* berfungsi sebagai sebahagian daripada bingkai yang menggambarkan separuh daripada keseluruhan muka surat (Lambert, 2018).

Selain itu, interaksi antara dua gambar secara berhadapan antara muka surat *verso* dan muka surat *recto* digambarkan melalui jarak fizikal yang dikenali sebagai *codex*. *Codex* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak merupakan halaman yang berturutan iaitu muka surat *verso* di halaman kiri dan muka surat *recto* di halaman kanan dengan *gutter* diletakkan di antara kedua-dua halaman muka surat yang menghadap antara satu sama lain (Lambert, 2018). Menurut Lambert (2018) *codex* menunjukkan gambar yang saling berhadapan melintasi *gutter* dan bukannya dipisahkan oleh *page turner*. Oleh itu, *codex* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak merupakan muka surat yang berturutan iaitu muka surat *verso* diikuti oleh muka surat *recto* manakala *gutter* diletakkan di tengah-tengah sebagai pemisah.

Secara umumnya, seseorang pembaca akan menggunakan cara konvensional untuk mengekod pergerakan gambar iaitu dari kiri ke kanan, sama seperti cara yang digunakan oleh seseorang untuk membaca perkataan. Hal ini bermaksud pembaca akan membaca dan mengekod gambar yang terdapat pada muka surat *verso* terlebih dahulu sebelum beralih ke muka surat *recto*. Oleh hal yang demikian, dalam kebanyakan buku cerita bergambar kanak-kanak pengarang dan ilustrator memaparkan sesuatu peristiwa pada muka surat *verso* dan lanjutan peristiwa tersebut pada muka surat *recto*. Tujuan pengarang dan ilustrator berbuat demikian adalah untuk menimbulkan ketegangan antara muka surat *verso* dan muka surat *recto* bagi membolehkan pembaca membayangkan pergerakan serta hubungan temporal dan musabab (Nikolajeva, 2006). Secara ringkasnya, susunan pergerakan peristiwa dalam kebanyakan buku cerita bergambar kanak-kanak adalah pada muka surat *verso* terlebih dahulu dan

diikuti pada muka surat *recto*. Walau bagaimanapun, gambar yang terdapat dalam kedua-dua muka surat *verso* dan *recto* mengulangi dengan tepat apa-apa yang dinyatakan dalam teks.

Muka surat *verso* dan muka surat *recto* yang terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak berfungsi untuk menyatakan pelbagai makna dan tanggapan melalui pergerakan gambar. Misalnya, terdapat sarjana yang mencadangkan tanggapan bahawa muka surat *verso* yang dikenali sebagai *home page* merupakan halaman yang selamat, manakala muka surat *recto* yang dikenali sebagai *away page* yang merupakan halaman pengembaraan (Nikolajeva, 2006). Tanggapan ini turut disokong oleh Moebius (1986) yang menjelaskan bahawa,

A character shown on the left page is likely to be in a more secure, albeit potentially confined space than one shown on the right, who is likely to be moving into a situation of risk or adventure. The left-hand page will complete a thought, let us know that we can go on, that the thinking of the previous page is complete (Moebius, W. (1986:149).

Selain itu, terdapat juga tanggapan bahawa muka surat *verso* mengukuhkan situasi manakala muka surat *recto* mengganggu situasi tersebut dan muka surat *verso* mencipta suasana yang selamat manakala muka surat *recto* membawa suasana yang berbahaya dan juga keseronokan (Nikolajeva, 2006). Interaksi antara muka surat *verso* dan muka surat *recto* berfungsi sebagai unsur pedagogi dan juga sebagai unsur estetik bertujuan untuk membolehkan pembaca membuat hubungan secara temporal dan musabab di antara kedua-dua muka surat yang saling menghadap di antara satu sama lain (Nikolajeva, 2006). Oleh hal yang demikian, kajian ini akan menganalisis interaksi antara muka surat *verso* dan muka surat *recto* yang terdapat dalam tiga genre buku cerita bergambar kanak-kanak berdasarkan pendekatan Nikolajeva (2006).

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti interaksi antara muka surat *verso* dan muka surat *recto* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak pilihan daripada tiga genre berikutan kenyataan yang dikemukakan oleh Nikolajeva (2006) iaitu kebanyakan buku cerita bergambar kanak-kanak didapati mengabaikan kepentingan komposisi antara *verso* dan *recto*. Hal ini telah dibuktikan oleh Nikolajeva (2006) yang menegaskan bahawa,

Too many picturebooks neglect this important compositional detail, resulting in two pages facing each other that neither cooperate nor contradict, but seem to be arbitrarily placed on the same doublespread (Nikolajeva, M. & Scott, C., 2006:150).

Dalam sesebuah buku cerita bergambar kanak-kanak yang baik, Nikolajeva (2006) menyatakan bahawa pengarang dan ilustrator menggunakan unsur ketegangan di antara muka surat *verso* dan muka surat *recto* untuk membolehkan pembaca membayangkan pergerakan serta menggambarkan hubungan temporal dan musabab. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti interaksi antara muka surat *verso* dan muka surat *recto* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak sama ada menepati atau tidak dengan pendekatan yang dikemukakan oleh Nikolajeva (2006). Bertolak kepada masalah yang diutarakan oleh Nikolajeva (2006), maka kajian ini perlu dilakukan bagi merungkaikan interaksi antara muka surat *verso* dan muka surat *recto* yang terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak yang terdiri daripada pelbagai genre.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti muka surat *verso* dan muka surat *recto* yang terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak daripada empat genre dan menganalisis interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* berdasarkan pendekatan Nikolajeva (2006).

METADOLOGI KAJIAN

Kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini memandangkan data kajian terdiri daripada data berbentuk teks dan gambar yang dikumpulkan daripada buku cerita bergambar kanak-kanak. Krippendorff (2004) berpandangan bahawa dalam analisis kandungan “*the phrase or other meaningful matter is included in parentheses to indicate that in content analysis works of art, images, maps, sounds, signs, symbols, and even numerical records may be included as data*”. Sehubungan dengan itu, kaedah analisis kandungan lebih sesuai digunakan untuk menganalisis hubungan teks dengan gambar yang memaparkan interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* yang terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak.


Buku cerita bergambar kanak-kanak yang menepati ciri-ciri sebenar buku cerita bergambar kanak-kanak sahaja digunakan dalam kajian ini. Antara ciri sebenar sebuah buku cerita bergambar kanak-kanak ialah buku tersebut mempunyai plot yang mudah iaitu teks dan gambar sama-sama menyampaikan jalan cerita (Anderson, 2013). Selain itu, dalam buku tersebut terdapat gambar pada setiap muka surat, mengandungi lebih kurang 200 patah perkataan dan terdiri daripada lebih kurang 32 muka surat (Jalongo, 2004). Hal ini jelas menunjukkan bahawa gambar yang terdapat dalam buku cerita berkenaan memainkan peranan penting untuk menyampaikan jalan cerita dengan menunjukkan aksi dan ekspresi watak, perubahan latar dan perkembangan plot. Sehubungan dengan itu, sebanyak empat buah buku cerita bergambar kanak-kanak berbahasa Melayu yang terdiri daripada empat genre yang menepati ciri-ciri tersebut digunakan sebagai data kajian. Buku-buku berkenaan ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Judul Buku Cerita Bergambar Kanak-kanak yang Dikaji

NAMA BUKU	TAHUN	GENRE	NAMA PENGARANG DAN ILUSTRATOR	PENERBIT
<i>Damia dan Kuda Kepang Ajaib</i>	2020	Cerita fantasi	Basari Mat Yasit	Oyez!Books
<i>Jarum Cik Helang Hilang</i>	2018	Cerita rakyat	Zaidah Md. Yusoff Norhanan M. Fadzlillah	Dewan Bahasa dan Pustaka
<i>Yem Sayang</i>	2016	Cerita realistik	Jamiah Abu Bakar Ahmed Fauzi Mohamed	Dewan Bahasa dan Pustaka
<i>Kisah Si Rama-rama</i>	2015	Cerita haiwan	Keiong Chooi Ling	Dewan Bahasa dan Pustaka

DAPATAN KAJIAN

Pembaca cenderung untuk meneliti gambar dalam sesebuah buku cerita bergambar kanak-kanak dengan menggerakkan pandangan dari kiri ke kanan. Pembaca mengandaikan bahawa watak-watak yang ditunjukkan pada muka surat *recto* sedang bergerak ke hadapan (Nodelman, 1989). Sebenarnya, dalam buku cerita bergambar kanak-kanak peristiwa yang menggambarkan tindakan watak selalunya bergerak dari muka surat *verso* ke muka surat *recto* dan keadaan ini jelas menunjukkan bahawa masa yang diambil oleh pembaca untuk membaca teks dan meneliti gambar yang bergerak dari kiri ke kanan secara konvensional. Nodelman (1989) menjelaskan bahawa sekiranya terdapat gambar pada dua muka surat yang menghadap, maka pembaca perlu mengandaikan bahawa tindakan watak yang ditunjukkan pada muka surat *verso* hadir dahulu. Kadang-kadang terdapat gambar yang menunjukkan peristiwa pada muka surat *verso* namun secara logiknya peristiwa tersebut telah berlaku sebelum peristiwa yang digambarkan pada muka surat *recto* dalam gambar yang sama (Nodelman, 1989) seperti yang terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak bertajuk *Jarum Cik Helang Hilang* (2018) daripada genre cerita rakyat pada Rajah 1.



Rajah 1: Interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak bertajuk *Jarum Cik Helang Hilang (2018)*

Berdasarkan Rajah 1, peristiwa Ibu Ayam pergi ke rumah Cik Helang untuk meminjam sebatang jarum hadir dahulu manakala peristiwa Cik Helang yang bersetuju untuk meminjam jarumnya pada muka surat *recto* berlaku selepas peristiwa yang digambarkan pada muka surat *verso*. Hal ini secara logiknya menunjukkan bahawa peristiwa Ibu Ayam pergi ke rumah Cik Helang berlaku terlebih dahulu yang menyebabkan berlakunya peristiwa Cik Helang bersetuju untuk meminjamkan jarumnya dengan menetapkan syarat. Berdasarkan analisis, dalam Rajah 1 hanya ditunjukkan satu pergerakan watak iaitu pergerakan Ibu Ayam dan anak-anaknya pergi ke rumah Cik Helang manakala watak Cik Helang tidak digambarkan sebagai bergerak. Namun demikian, pergerakan watak-watak tersebut jelas menunjukkan bahawa peristiwa tersebut cenderung untuk berkembang dari muka surat *verso* ke muka surat *recto*. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam Rajah 1, peristiwa Cik Helang berada di kawasannya hanya berlaku setelah Ibu Ayam pergi ke rumah Cik Helang. Secara logiknya dua peristiwa yang terdapat pada satu gambar dan diletakkan pada dua muka surat yang menghadap jelas menunjukkan bahawa peristiwa pada muka surat *recto* berlaku kerana adanya situasi yang menunjukkan bahawa peristiwa Cik Helang berada di rumahnya dan bersetuju untuk meminjam jarumnya yang hanya berlaku selepas Ibu Ayam pergi ke rumah Cik Helang.

Pergerakan watak dalam buku cerita bergambar kanak-kanak dari muka surat *verso* ke muka surat *recto* biasanya adalah berdasarkan *codex*, iaitu pergerakan watak melintasi *gutter*. Sebagai contoh, pergerakan watak ulat bulu dalam buku cerita bertajuk *Kisah Si Rama-rama (2015)* daripada genre cerita haiwan pada Rajah 2 digambarkan sebagai bergerak dari muka surat *verso* ke muka surat *recto* dengan melintasi *gutter*. Perkara ini menunjukkan bahawa *gutter* memainkan peranan penting sebagai pemisah antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto*.



Rajah 2: Interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak bertajuk *Kisah Si Rama-rama* (2015)

Pada Rajah 2, pergerakan ulat bulu dari muka surat *verso* ke muka surat *recto* memberikan makna yang bersesuaian dengan jalan cerita sebagaimana yang diutarakan oleh Moebius (1986). Misalnya, muka surat *verso* menunjukkan situasi yang selamat manakala muka surat *recto* menunjukkan situasi yang berbahaya. Sebagai contoh, pada Rajah 2 digambarkan bahawa ulat bulu keluar bersiar-siar dari tempat tinggalnya. Secara umumnya, tempat tinggal bagi semua benda hidup merupakan tempat yang selamat. Oleh hal yang demikian, tempat tinggal ulat bulu digambarkan pada muka surat *verso* untuk memberikan makna bahawa ulat bulu berada di kawasan yang selamat. Seterusnya, gambar pada Rajah 2 menunjukkan pergerakan ulat bulu sebagai menuju ke muka surat *recto*. Hal ini bermakna, ulat bulu tersebut bergerak dari muka surat *verso* menuju ke muka surat *recto* dengan cara melintasi *gutter*. Lukisan seekor ayam jantan pada muka surat *recto* jelas menunjukkan fungsi muka surat *recto* sebagai tempat atau situasi yang berbahaya sebagaimana yang dikemukakan oleh Moebius (1986). Hal ini dikatakan demikian kerana, kemungkinan ayam jantan itu boleh mengundang bahaya kepada ulat bulu tersebut kerana ayam jantan itu boleh menangkap dan memakan ulat bulu itu. Secara tidak langsung, interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* melalui pergerakan ulat bulu akan menimbulkan unsur ketegangan dalam diri pembaca kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana pembaca kanak-kanak akan tertanya-tanya sama ada ayam jantan itu menangkap ulat bulu itu atau ulat bulu itu berjaya melepaskan diri.

Di samping itu, pada Rajah 2 petunjuk masa dinyatakan dengan jelas pada muka surat *recto*. Misalnya, penggunaan perkataan 'kemudian' dengan jelas menyampaikan susunan masa seperti yang dinyatakan dalam teks iaitu,


Kemudian, ia berehat di atas sehelai daun.

(*Kisah Si Rama-rama*, 2015:3)

Petunjuk masa ini menunjukkan bahawa peristiwa pada muka surat *recto* berlaku selepas peristiwa pada muka surat *verso*. Peristiwa yang berlaku pada muka surat *verso* akan mendorong pembaca untuk melihat pada muka surat *recto* bagi mendapatkan penjelasan. Misalnya, setelah pembaca melihat pergerakan ulat bulu pada muka surat *verso* maka secara tidak langsung pembaca akan melihat ke muka surat *recto* bagi mengetahui peristiwa seterusnya yang akan berlaku kepada ulat bulu. Selain itu, pada Rajah 2 pergerakan ulat bulu adalah secara konvensional iaitu pembaca kanak-

kanak akan melihat pergerakan ulat bulu dari kiri ke kanan. Pergerakan ulat bulu menyiratkan interaksi antara masa dengan sebab. Sebagai contoh, pada Rajah 2 digambarkan pergerakan ulat bulu dari kiri menuju ke arah kanan. Sekiranya diteliti, pergerakan ulat bulu itu menyebabkannya berasa letih dan berhenti berehat di atas sehelai daun. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pergerakan ulat bulu mengambil masa yang lama sehingga menyebabkannya letih. Situasi ini secara tidak langsung akan menyebabkan pembaca kanak-kanak berfikir untuk mengaitkan masa pergerakan ulat bulu dengan sebab ulat bulu tersebut berehat.

Interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak turut berfungsi untuk menyatakan makna yang berbeza berdasarkan situasi cerita. Misalnya, muka surat *verso* memberikan makna *home page* manakala muka surat *recto* memberikan makna *away page* atau pengembaraan. Sebagai contoh, dalam buku cerita bertajuk *Yem Sayang* (2016) daripada genre cerita realistik, peristiwa Yem lari dari rumah menuju ke rumah neneknya jelas memaparkan makna yang berbeza di antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* seperti yang terdapat pada Rajah 3.



Rajah 3: Makna berbeza di antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak bertajuk *Yem Sayang* (2016)

Muka surat *verso* pada Rajah 3 hanya menggambarkan rumah Yem dan tidak menunjukkan watak Yem. Walau bagaimanapun, pergerakan Yem dinyatakan dalam teks iaitu “Yem pun mula berjalan.” Lukisan rumah Yem berfungsi sebagai simbol bagi melambangkan rumah yang secara tidak langsung memberikan makna sebagai satu tempat yang selamat. Hal ini menunjukkan bahawa muka surat *verso* berfungsi sebagai *home page*. Seterusnya, pada muka surat *recto* digambarkan Yem sedang berjalan menuju ke rumah neneknya setelah keluar dari rumahnya. Hal ini bermakna Yem mula mengembara seorang diri. Situasi ini dipaparkan pada muka surat *recto* bagi menjelaskan bahawa muka surat *recto* berfungsi sebagai *away page*. Secara ringkasnya, interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* yang ditunjukkan melalui pergerakan Yem memberikan makna yang berbeza berdasarkan peristiwa yang berlaku dalam cerita ini.

Berdasarkan analisis, interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* pada Rajah 3 bersesuaian dengan pandangan Moebius (1986). Sebagai contoh, gambar sebuah rumah pada muka surat *verso* menunjukkan keadaan yang selamat manakala gambar seekor anjing pada muka surat *recto* menunjukkan keadaan yang berbahaya. Hal ini dikatakan demikian kerana Yem mungkin akan berhadapan dengan situasi yang membahayakan dirinya. Situasi pada muka surat *verso* dan muka surat *recto* menunjukkan bahawa pembaca kanak-kanak tidak harus meninggalkan rumah seorang diri kerana mereka mungkin akan berhadapan dengan bahaya. Keadaan ini akan menyebabkan pembaca kanak-kanak berfikir tentang bahaya meninggalkan rumah seorang diri. Hal ini dikatakan demikian kerana fikiran kanak-kanak adalah berdasarkan pengalaman dan persepsi tentang sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa itu (Travers & Travers, 2008).

Selain itu, interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* yang ditunjukkan melalui pergerakan Yem adalah secara konvensional. Walaupun watak Yem tidak digambarkan pada muka surat *verso*, namun pembaca kanak-kanak dapat memahami bahawa Yem mula berjalan dari rumahnya dan perkara yang sama dinyatakan dalam teks iaitu,

Yem pun mulalah berjalan.
Berjalan dan berjalan dan berjalan dan berjalan....

(*Yem Sayang*, 2016:14)

Teks ini akan mendorong pembaca untuk melihat pada muka surat *recto* bagi mendapatkan penjelasan tentang sejauh mana Yem berjalan. Rangkaian kata ‘berjalan dan berjalan dan berjalan dan berjalan...’ seperti yang terdapat pada teks berperanan sebagai petunjuk masa. Situasi ini akan menyebabkan pembaca kanak-kanak berfikir tentang masa yang diambil oleh Yem untuk berjalan. Secara tidak langsung, pembaca kanak-kanak dapat memahami bahawa Yem mengambil masa yang lama untuk berjalan ke rumah neneknya walaupun tidak dinyatakan tempoh masa yang diambil oleh Yem untuk sampai ke rumah neneknya.

Selain itu, interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* turut memberikan makna yang berbeza berdasarkan situasi cerita sebagaimana yang dikemukakan oleh Nikolajeva (2006), misalnya muka surat *verso* mengukuhkan situasi manakala muka surat *recto* memaparkan peristiwa yang mengganggu situasi tersebut. Sebagai contoh, dalam buku cerita bertajuk *Damia dan Kuda Kepang Ajaib* (2020) daripada genre cerita fantasi, gambar yang menunjukkan peristiwa Damia menaiki kuda keping ajaib dan berterbangan di udara jelas memaparkan makna yang berbeza di antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* seperti yang terdapat pada Rajah 4.



Rajah 4: Makna berbeza di antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak bertajuk *Damia dan Kuda Kepang Ajaib* (2020)

Berdasarkan Rajah 4, pada muka surat *verso* ditunjukkan gambar watak Damia yang sedang berterbangan di udara bersama-sama dengan kuda keping. Pergerakan watak Damia digambarkan secara konvensional iaitu sebagai bergerak dari muka surat *verso* ke muka surat *recto*. Berdasarkan analisis, kedudukan Damia bersama-sama dengan kuda keping mengukuhkan situasi peristiwa

tersebut. Sebagai contoh, dalam teks dinyatakan bahawa ‘Kuda kepang terbang tinggi. Damia melihat rumah datuknya semakin kecil.’ Peristiwa yang berlaku ini mengukuhkan situasi kerana bersesuaian dengan perjalanan Damia dalam dunia fantasinya. Pada masa yang sama, lukisan gambar sekumpulan awan yang berwarna hitam pada muka surat *recto* seperti pada Rajah 4 menunjukkan peristiwa yang mengganggu situasi yang terdapat pada muka surat *verso*. Hal ini dikatakan demikian kerana, gambar lukisan yang berwarna hitam merupakan petunjuk bahawa hujan akan turun dengan lebatnya. Situasi ini sudah tentu akan mengganggu perjalanan Damia bersama-sama dengan kuda kepang. Di samping itu, pada Rajah 4 petunjuk masa dinyatakan dengan jelas pada muka surat *recto*. Misalnya, penggunaan perkataan ‘sebentar’ menjelaskan susunan masa seperti yang dinyatakan dalam teks iaitu,

“... Sebentar lagi hujan akan turun,” kata kuda kepang.

(*Damia dan Kuda Kepang Ajaib*, 2020:10)

Petunjuk masa yang dinyatakan pada muka surat *recto* jelas menunjukkan bahawa peristiwa yang berlaku pada muka surat *recto* berlaku selepas peristiwa pada muka surat *verso*. Secara ringkasnya, interaksi antara muka surat *verso* dengan muka surat *recto* yang dibincangkan dalam buku cerita bergambar kanak-kanak daripada keempat-empat genre ini menjelaskan makna yang terkandung pada setiap muka surat yang mempunyai dua gambar yang saling berhadapan. Dalam keempat-empat buah buku cerita bergambar kanak-kanak yang dianalisis, makna yang terdapat pada muka surat *verso* dan muka surat *recto* disampaikan melalui interaksi di antara teks dengan gambar yang secara tidak langsung memberikan maklumat tentang hubungan ruang dan masa.

RUMUSAN

Dalam sesebuah buku cerita bergambar kanak-kanak, muka surat *verso* dan muka surat *recto* yang dipisahkan oleh *gutter* memainkan peranan yang amat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua halaman yang saling berhadapan membantu pembaca untuk meneruskan pembacaan ke muka surat yang seterusnya. Susun atur gambar yang baik pada muka surat *verso* dan muka surat *recto* bergantung pada kedudukan *gutter* kerana ia mewujudkan ruang pada gambar. Hal ini bermakna, ilustrator mesti menggunakan *gutter* dalam lukisan gambar untuk mengelakkan butiran penting dalam gambar dikaburkan atau ditinggalkan.

Pergerakan watak dari muka surat *verso* menuju ke muka surat *recto* adalah secara konvensional. Oleh itu, ilustrator dan pengarang seharusnya menyampaikan jalan cerita mengikut urutan konvensional. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya jalan cerita tidak mengikut urutan konvensional maka pembaca kanak-kanak akan menjadi keliru dan akan hilang minat untuk meneruskan pembacaan. Teks dan gambar yang saling berhadapan pada muka surat *verso* dan muka surat *recto* sememangnya penting untuk menyampaikan makna cerita yang terdapat pada kedua-dua halaman berkenaan.

RUJUKAN

- Anderson, N. (2013). *Elementary children's literature*. United States of America: Pearson.
- Bader, B. (1976). *American Picture Books from Noah's Ark to the Beast Within*. New York: MacMillan.
- Booker, K. (2012). Using picture books to empower and inspire readers and writers in the upper primary classroom. *Literacy Learning: The Middle Years*, 20(2), i-xiv.
- Doonan, J. (1993). *Looking at pictures in picture books*. United Kingdom: The Thimble Press.
- Hladikova, H. (2014). Children's book illustrations: Visual language of picturebooks. *CRIS- Bulletin of the Centre for Research and Interdisciplinary Study (1)*.
- Jalongo, M.R., (2004). *Young Children and Picture Books. (2nd edition)*. Washington: National Association for the Education of Young Children.
- Lewis, D. (2001). *Reading contemporary picturebooks: Picturing text*. New York: Routledge Falmer.

- Kaithiri, A., Rohaya Md Ali, & Phat Awang Deng. (2021). Pageturners dalam Buku Cerita Bergambar Kanak-kanak. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9 (1), 69 - 84.
- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to its methodology. (2nd edition)*. California:Sage Publication.
- Lambert, M. D. (2018). Picturebooks and page layout. *The Routledge Companion to picturebooks*. Bettina Kummerling-Meibauer (28-37). New York: Routledge.
- Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan Literasi Awal Kanak-kanak: Teori dan amali*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Matulka, D.I. (2008). *A picturebook primer: Understanding and using picturebooks*. London: Libraries Unlimited.
- Moebius, W. (1986). Introduction to picturebook codes. *Word & Image*, 2(2), 141-158.
- Nikolajeva, M. & Scott, C., (2006). *How Picturebooks Work*. New York: Routledge.
- Nodelman, P. (1988). *Words about pictures: The narrative art of children's picture books*.Athens: The University of Georgia Press.
- Travers, B.E. & Travers, J.F. (2008). *Children's literature: A development perspective*. United States of America: John Wiley & Sons, Inc.